

POLISI INSURANS KEMALANGAN DIRI KURNIA STAR

BAHAWASANYA Pihak Yang Diinsuranskan, menerusi permohonan dan perakuan sebagai sebahagian daripadanya, telah memohon kepada **AmGeneral Insurance Berhad** seterusnya dirujuk sebagai "Syarikat") untuk insurans yang terkandung seterusnya dan telah membayar premium yang dinyatakan dalam Jadual Polisi sebagai pertimbangan untuk insurans sedemikian bagi tempoh yang dinyatakan di dalamnya.

MAKA POLISI INI MEMPERSAKSIKAN: Bahawa tertakluk kepada terma dan syarat yang terkandung di dalam polisi ini atau diendorskan atau selain dinyatakan di sini kemudiannya, Syarikat akan membayar pampasan kepada Pihak Diinsuranskan secara dan setakat yang dinyatakan.

Untuk tujuan polisi ini:-

Pihak Diinsuranskan bermaksud seseorang atau sebuah badan korporat sebagaimana dinyatakan dalam Jadual / Sijil Insurans yang kepadanya Polisi ini telah dikeluarkan berhubung dengan perlindungan bagi Orang Yang Diinsuranskan.

Orang Yang Diinsuranskan/Orang Diinsuranskan bermaksud orang yang dinamakan atau dinyatakan dalam Jadual / Sijil Insurans / Endorsemen sebagai orang yang diinsuranskan dan mestilah warganegara Malaysia, penduduk tetap Malaysia, pemegang permit kerja di Malaysia dan pasangan suami / isteri dan anak-anak mereka yang menetap secara sah di Malaysia

SEKSYEN 1 - KEMALANGAN DIRI

SYARIKAT INSURANS dengan ini bersetuju dengan Pihak Diinsuranskan jika pada bila-bila masa ketika Tempoh Insurans yang dinyatakan di dalam Jadual atau semasa mana-mana tempoh yang berikutnya yang mana Pihak Diinsuranskan telah membayar dan Syarikat Insurans telah bersetuju menerima premium bagi pembaharuan Polisi ini, dimana Orang Yang Diinsuranskan mengalami sebarang kecederaan anggota badan disebabkan oleh **KEMALANGAN LUARAN YANG SERIUS DAN NYATA YANG TERJADI SECARA TUNGGAL DAN LANGSUNG TANPA KEJADIAN LAIN** menyebabkan kematian atau hilang upaya kepada Pihak Diinsuranskan, Syarikat akan membayar sejumlah pampasan sepertimana dinyatakan di dalam Jadual dan mengikut Jadual Faedah yang disediakan dalam Polisi ini.

DENGAN SYARAT-SYARAT:

- Jumlah yang dinyatakan di dalam Jadual tidak akan dibayar:
 - di bawah Faedah A dan B kecuali bila kematian atau hilang upaya berlaku dalam tempoh dua belas (12) kalendar bulan selepas kejadian kecederaan pada anggota badan.
 - di bawah Faedah C1 dan C2 sama ada berasingan atau bersama berkaitan dengan sebarang kecederaan yang melebihi tempoh seratus empat (104) minggu dari tarikh berlaku hilang upaya.
 - sehingga jumlah penuh pampasan ditentukan dan dipersetujui.

- Agregat semua peratus yang boleh dibayar berkaitan dengan mana-mana satu kemalangan tidak boleh melebihi 100%. Sekiranya jumlah 100% telah dibayar, semua insurans yang terkandung dalam polisi ini tidak lagi berkuatkuasa dengan serta-merta. Semua kerugian lain yang kurang daripada 100% jika telah dibayar akan mengurangkan perlindungan di bawah Faedah A dan B mengikut jumlah tersebut mulai dari tarikh kemalangan hingga tamat tempoh Polisi.
- Jumlah yang perlu dibayar di bawah Faedah B hendaklah sama dengan peratusan bagi Jumlah Diinsuranskan seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Polisi.
- Perbelanjaan Perubatan yang sewajarnya dikenakan mesti disokong dengan resit akaun dari pengamal perubatan yang berkelayakan dan berdaftar dan terhad kepada Jumlah Diinsuranskan yang disebutkan di bawah Faedah D dari Jadual untuk setiap kemalangan.
- Elaun Pengkebumian bernilai RM2,000 akan dibayar atas tuntutan yang sah di bawah Faedah A (Kematian Akibat Kemalangan).

SYARAT-SYARAT KHAS BAGI SEKSYEN 1 - KEMALANGAN DIRI

- Semua sijil, resit akaun, maklumat dan bukti yang diperlukan oleh Syarikat hendaklah disediakan atas kos Pihak / Orang Yang Diinsuranskan atau mana-mana Pihak Menuntut dan hendaklah dalam bentuk dan rupa yang telah ditetapkan oleh Syarikat.
- Apabila berlakunya sebarang kemalangan di mana pampasan layak dibayar dibawah Polisi ini, Pihak / Orang Yang Diinsuranskan seharusnya segera menggunakan perkhidmatan pengamal perubatan yang berkelayakan dan berdaftar dan menjalani sebarang rawatan yang dianggap perlu oleh pengamal perubatan tersebut.
- Orang Yang Diinsuranskan pada setiap masa yang munasabah hendaklah melaporkan pemeriksaan perubatan bagi pihak Syarikat atas perbelanjaan sendiri.
- Dalam kes kematian ke atas Orang Yang Diinsuranskan, Pihak Syarikat berhak mendapatkan satu pemeriksaan post-mortem atas perbelanjaannya sendiri.
- Tuntutan yang dibayar di bawah polisi akan dibayar mana-mana berkenaan, kepada benefisiri atau penama seperti di dalam polisi atau wakil sah mereka di mana Pihak Diinsuranskan mempunyai kepentingan boleh insurans. Walau bagaimanapun, sekiranya tiada mempunyai kepentingan boleh insurans ke atas Orang Diinsuranskan, semua bayaran tuntutan di bawah polisi ini dibayar kepada Orang Diinsuranskan atau wakil sah nya
- Umur bagi Orang Yang Diinsuranskan tidak boleh kurang daripada tiga puluh hari mahupun lebih daripada enam puluh lima tahun.

POLISI INSURANS KEMALANGAN DIRI KURNIA STAR

JADUAL FAEDAH

KETERANGAN FAEDAH	PAMPASAN (% dari Jumlah Diinsuranskan)
A. Kematian Akibat Kemalangan (berlaku dalam tempoh 12 kalendar bulan akibat kecederaan anggota badan)	100
B. Hilang Upaya Kekal (berlaku dalam tempoh 12 kalendar bulan akibat kecederaan anggota badan) menyebabkan:	
1) Hilang Upaya Kekal Menyeluruh daripada terlibat atau menghadiri sebarang jenis pekerjaan atau kerjaya	100
2) Lumpuh keseluruhan atau kekal terlantar sakit di katil	100
3) Kehilangan satu tangan atau lengan	100
satu kaki atau satu kaki sehingga paha	100
pandangan sebelah atau kedua-dua mata	100
4) Kehilangan pendengaran kedua-dua belah telinga	75
pendengaran sebelah telinga	15
keupayaan bertutur	50
5) Kehilangan empat jari dan ibu jari sebelah tangan	50
empat jari sebelah tangan	40
6) Kehilangan kedua-dua falanks ibu jari	25
satu falanks	10
7) Kehilangan tiga falanks jari telunjuk	10
dua falanks	8
satu falanks	4
8) Kehilangan tiga falanks jari tengah	6
dua falanks	4
satu falanks	2
9) Kehilangan tiga falanks jari manis	5
dua falanks	4
satu falanks	2
10) Kehilangan tiga falanks jari kelengkeng	4
dua falanks	3
satu falanks	2
11) Kehilangan kesemua pada sebelah kaki jari kaki	15
ibu jari, kedua-dua falanks	5
ibu jari, satu falanks	2
selain ibu jari, jika lebih daripada satu jari	1
hilang, setiap satu	
C1. Hilang Upaya Menyeluruh Sementara (Tidak melebihi 75% daripada Pendapatan Mingguan). Membayar pampasan sehingga had yang dipilih.	
C2. Hilang Upaya Separa Sementara (Tidak melebihi 50% daripada Faedah C1).	
D. Perbelanjaan Perubatan (Termasuk Hospital, Pembedahan, Rawatan Umum dan Fi Ambulan). Membayar pampasan sehingga had yang dipilih setiap kemalangan.	

Kehilangan fungsi anggota sepenuhnya akan dianggap sebagai kehilangan anggota tersebut. Di mana sebarang kecacatan separa kekal yang tidak dinyatakan di atas selain daripada deria rasa atau bau, Syarikat akan menggunakan peratus kecacatan yang mengikut pendapat para penasihat perubatan Syarikat konsisten dengan peruntukan di atas dan tanpa mengambil kira pekerjaan Orang Diinsuranskan.

Hilang Upaya Menyeluruh Sementara bermaksud Orang Diinsuranskan hilang upaya menyeluruh daripada terlibat dalam atau menghadiri sebarang jenis pekerjaan atau kerjaya.

Bagi tujuan Polisi ini, Orang Diinsuranskan akan di anggap sebagai hilang upaya separa sementara di bawah Faedah C2 apabila tidak berkeupayaan untuk melakukan sebahagian dari kerjaya atau pekerjaan. Jumlah yang dibayar di bawah Faedah C2 adalah sentiasa separuh daripada jumlah dibayar di bawah Faedah C1.

Kehilangan penglihatan bermaksud kehilangan seluruh penglihatan secara penuh dan tidak boleh dibaiki lagi dan menjadikan Orang Diinsuranskan buta sepenuhnya tanpa boleh diubati melalui pembedahan atau rawatan.

FASAL

MOGOK, RUSUHAN DAN KEKECOHAN AWAM

Adalah dengan ini dimaklumkan dan dipersetujui bahawa Polisi ini dilanjutkan untuk merangkumi kematian atau hilang upaya kepada Orang Diinsuranskan akibat daripada Mogok, Rusuhan dan Kekecohan Awam yang secara langsung diakibatkan oleh:

1. Tindakan mana-mana individu mengambil bahagian bersama orang lain dalam sebarang kekacauan terhadap ketenteraman awam (sama ada berkaitan dengan mogok atau sekat masuk kerja atau tidak).
2. Tindakan oleh mana-mana pihak yang dilantik secara sah dalam menyekat atau cuba menyekat sebarang gangguan tersebut atau mengurangkan kesan daripada gangguan tersebut.
3. Tindakan disengajakan oleh mana-mana pemogok atau pekerja sekatan masuk kerja yang dilakukan untuk melanjutkan mogok atau dalam menghalang sekat masuk kerja.
4. Tindakan oleh mana-mana pihak yang dilantik secara sah dalam menghalang mana-mana tindakan tersebut atau dalam mengurangkan akibat daripada tindakan tersebut.

Seciranya sebarang tuntutan berikut dibuat, orang Diinsuranskan perlu membuktikan bahawa kecederaan tubuh tersebut terjadi secara bebas dan tidak berkait langsung dengan atau pada masa atau disumbangkan oleh atau boleh dijejaki kepada mana-mana kejadian tersebut atau sebarang akibat daripadanya dan dengan secara automatik atau sebarang bukti tersebut Syarikat tidak dipertanggungjawabkan untuk membuat apa-apa bayaran berkaitan tuntutan tersebut.

Dengan syarat bahawa berkaitan dengan lanjutan ini Orang Diinsuranskan mendapat kecederaan tubuh seperti yang dijelaskan oleh Polisi ketika menjadi orang awam yang berada di tempat kejadian dan bukannya akibat daripada penyertaan aktif secara langsung atau tidak langsung dalam mogok, rusuhan atau kekecohan awam.

POLISI INSURANS KEMALANGAN DIRI KURNIA STAR

RAMPASAN

Adalah dengan ini dimaklumkan dan dipersetujui bahawa Polisi ini dilanjutkan untuk merangkumi kematian atau hilang upaya kepada Orang Diinsuranskan akibat daripada rampasan sama ada semasa transit jalan darat sebagai penumpang yang memegang tiket atau semasa menaiki pesawat sebagai penumpang yang memegang tiket melalui laluan udara yang sedia wujud dalam pesawat jenis standard dengan lesen penuh yang dimiliki dan/atau diusahakan oleh Syarikat penerbangan yang diiktiraf ataupun sebagai penumpang berbayar di atas sebarang kapal laut yang digunakan untuk mengangkut penumpang.

KERACUNAN MAKANAN

Adalah dengan ini dimaklumkan dan dipersetujui bahawa Polisi ini dilanjutkan untuk merangkumi kematian atau hilang upaya kepada Orang Diinsuranskan akibat daripada keracunan makanan yang tidak disengajakan atau kejadian lain yang seumpamanya, dengan atau tanpa sebarang tanda kecederaan luar atau keganasan yang nyata.

MATI LEMAS

Adalah dengan ini dimaklumkan dan dipersetujui bahawa Polisi ini dilanjutkan untuk merangkumi kematian atau hilang upaya kepada Orang Diinsuranskan seperti yang dinyatakan di sini akibat daripada mati lemas, dengan atau tanpa sebarang tanda kecederaan luar atau keganasan yang nyata.

SUKAN AMATUR

Adalah dengan ini dimaklumkan dan dipersetujui bahawa Polisi ini dilanjutkan untuk merangkumi kematian atau hilang upaya yang berlaku semasa Orang Diinsuranskan melibatkan diri dalam sukan luaran atau dalaman sebagai seorang amatur kecuali seperti yang dinyatakan di bawah pengecualian no.3(a) dalam Pengecualian Khas kepada Seksyen 1.

PEMBUNUHAN DAN SERANGAN

Adalah dengan ini dimaklumkan dan dipersetujui bahawa Polisi ini dilanjutkan untuk merangkumi kematian atau hilang upaya yang disebabkan oleh serangan atau pembunuhan atau sebarang percubaan kepada Orang Diinsuranskan dalam jadual ini, kecuali kematian atau kecederaan badan ke atas Orang Diinsuranskan semasa dia melakukan atau berhasrat melakukan perbuatan tersebut.

GIGITAN SERANGGA, ULAR, BINATANG PEROSAK DAN BINATANG

Adalah dengan ini dimaklumkan dan dipersetujui bahawa polisi ini dilanjutkan merangkumi gigitan serangga, ular, binatang perosak dan binatang kecuali penyakit atau penyakit yang disebabkan oleh parasit, bakteria atau virus yang dibawa oleh serangga seperti nyamuk dan seumpamanya, ular atau binatang.

KEHILANGAN

Adalah dengan ini dimaklumkan dan dipersetujui bahawa jika selepas tempoh satu (1) tahun berakhir dan Syarikat setelah memeriksa semua bukti yang ada, serta tidak mempunyai alasan untuk membuat andaian lain selain satu kemalangan telah berlaku, atau Mahkamah Undang-Undang telah mengesahkan bahawa Orang Diinsuranskan itu telah hilang dan disahkan mati, maka kehilangan Orang Diinsuranskan itu membentuk satu tuntutan dibawah Polisi ini.

Adalah seterusnya dipersetujui dan difahami bahawa jika pada bila-bila masa selepas pembayaran dibuat dan Orang Diinsuranskan didapati masih hidup, mana-mana jumlah yang telah dibayar oleh Syarikat, hendaklah dipulangkan kepada Syarikat dalam masa tiga puluh (30) kalendar hari dari tarikh penemuan.

BENCANA SEMULAJADI

Adalah dengan ini dimaklumkan dan dipersetujui bahawa Polisi ini dilanjutkan untuk melindungi kematian atau hilang upaya ke atas Orang Diinsuranskan disebabkan oleh gempa bumi, angin ribut, banjir, letupan gunung berapi, kilat, hurikan, siklon, taufan dan ombak gangang.

PENDEDAHAN KEPADA ELEMEN SEMULAJADI

Adalah dengan ini dimaklumkan dan dipersetujui bahawa Polisi ini dilanjutkan untuk melindungi kecederaan tubuh yang disebabkan oleh dedahan kepada elemen semulajadi akibat daripada kemalangan yang dilindungi di bawah ini, dengan syarat sekiranya berlaku kematian ke atas Orang Diinsuranskan disebabkan oleh pendedahan kepada elemen semulajadi, kematian ini tertakluk kepada penyiasatan dan pengesahan dari pihak perundangan yang diiktirafkan.

MENUNGGANG MOTOSIKAL

Adalah dengan ini dimaklumkan dan dipersetujui bahawa Polisi ini dilanjutkan untuk melindungi Orang Diinsuranskan ketika menunggang motosikal atau sebagai pembonceng untuk tujuan peribadi atau perniagaan dengan syarat bahawa Syarikat tidak akan bertanggungjawab atas sebarang tuntutan yang timbul daripada perlumbaan, menunggang laju atau Orang Diinsuranskan terlibat dalam sebarang peraduan menunggang laju atau ujian-ujian lain.

MEMBURU

Adalah dengan ini dimaklumkan dan dipersetujui bahawa Polisi ini dilanjutkan untuk melindungi Orang Diinsuranskan terhadap kematian atau hilang upaya semasa terlibat dalam memburu, dengan syarat permit/kelulusan/lesen daripada pihak berkuasa berkaitan telah diperolehi dan Orang Diinsuranskan mempunyai lesen yang sah di segi undang-undang untuk memiliki dan menggunakan senjata api untuk tujuan memburu sahaja.

MENYELAM SKUBA

Adalah dengan ini dimaklumkan dan dipersetujui bahawa Polisi ini dianggap melindungi kematian atau hilang upaya akibat kemalangan untuk Orang Diinsuranskan semasa terlibat dalam menyelam skuba sebagai seorang amatur.

SESAK NAFAS AKIBAT ASAP, WASAP ATAU GAS BERACUN

Adalah dengan ini dimaklumkan dan dipersetujui bahawa Polisi ini dilanjutkan untuk melindungi Orang Diinsuranskan terhadap kematian atau hilang upaya akibat sesak nafas secara tidak sengaja oleh Asap, Wasap atau Gas Beracun.

PERLINDUNGAN KEGANASAN

Adalah dengan ini dimaklumkan dan dipersetujui bahawa Polisi ini akan melindungi kematian dan hilang upaya akibat keganasan tetapi mengecualikan keganasan akibat penggunaan senjata pemusnahan besar-besaran Nuklear, Kimia atau Biologi walau bagaimana sekalipun senjata ini diagihkan atau digabungkan.

Bagi tujuan klausa ini:

1. Keganasan bermaksud tindakan, atau tindakan oleh mana-mana individu, atau kumpulan individu, tindakan untuk tujuan politik, agama, ideologi atau tujuan yang sama dengan niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau menakutkan orang ramai, atau mana-mana kumpulan orang ramai. Keganasan termasuk, tetapi tidak terhad kepada penggunaan sebenar kekuatan atau keganasan dan/atau ancaman untuk menggunakannya. Tambahan lagi, pelaku keganasan boleh sama ada bertindak bersendirian, atau dalam pihak, atau berkait dengan mana-mana organisasi atau kerajaan.

POLISI INSURANS KEMALANGAN DIRI KURNIA STAR

2. Penggunaan senjata pemusnah besar-besaran Nuklear bermaksud menggunakan sebarang senjata atau peranti letupan nuklear atau pelepasan, pengeluaran, penyelerakan, pengagihan atau penyebaran bahan boleh membelah yang mengeluarkan paras radioaktif yang berupaya menyebabkan kecacatan hilang upaya atau kematian di kalangan manusia atau binatang.
 3. Penggunaan senjata pemusnah besar-besaran Kimia bermaksud pelepasan, pengeluaran, penyelerakan, pengagihan atau penyebaran sebarang bahan kimia, cecair atau gas yang diagihkan mengikut kesesuaian, berupaya menyebabkan kecacatan hilang upaya atau kematian di kalangan manusia atau binatang.
 4. Penggunaan senjata pemusnah besar-besaran Biologi bermaksud pelepasan, pengeluaran, penyelerakan, pengagihan atau penyebaran sebarang mikroorganisma patogen (yang memberi penyakit) dan/atau toksin yang dihasilkan secara biologi (termasuk organisma yang secara genetik dan toksin yang disintesis kimia) yang berupaya menyebabkan kecacatan hilang upaya atau kematian di kalangan manusia atau binatang.
- a) kecederaan anggota badan kepada pihak ketiga akibat kemalangan
 - b) kerosakan harta benda kepada pihak ketiga akibat kemalangan
2. Semua kos dan perbelanjaan perundangan:
 - a) yang dituntut semula daripada Orang Diinsuranskan oleh sesiapa yang menuntut
 - b) ditanggung dengan persetujuan bertulis daripada Syarikat

Berhubung dengan tuntutan daripada Orang Diinsuranskan untuk pampasan di mana indemniti yang dinyatakan di dalam Polisi ini merujuk.

Sekiranya berlaku kematian kepada Orang Diinsuranskan, Syarikat akan dari segi liabiliti yang ditanggung oleh Orang Diinsuranskan memberi indemniti kepada wakil sah Orang Diinsuranskan yang akan seolah-olah dia adalah Orang Diinsuranskan memerhati dan tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung dalam Polisi ini setakat mana mereka boleh dirujukan.

PENGECUALIAN KHAS UNTUK SEKSYEN 1 - KEMALANGAN DIRI

Polisi ini tidak melindungi kematian atau hilang upaya yang disebabkan oleh atau timbul dari:

1. Bunuh diri (sama ada dengan jenayah serius atau tidak) atau sebarang percubaan sepertinya atau kecederaan diri sendiri, hamil atau melahirkan anak, penyakit kelamin atau tidak siuman, kesan atau pengaruh (sementara atau sebaliknya) alkohol atau dadah bukan preskripsi pengamal perubatan berkelayakan dan berdaftar, melakukan atau cuba melakukan apa-apa tindakan yang menyalahi undang-undang.
2. Orang Diinsuranskan terbang atau menaiki pesawat selain daripada sebagai penumpang yang membayar tiket dengan syarikat penerbangan berdaftar di laluan domestik atau antarabangsa yang berjadual.
3. Orang Diinsuranskan terlibat dengan:
 - a. luncur air, aktiviti bawah air melibatkan penggunaan alat bantuan pernafasan (kecuali menyelam skuba), mendaki gunung yang memerlukan penggunaan tali atau jurupandu, payung terjun, terjun lelabah, luncur udara, terjun udara, sukan atau permainan professional, seni mempertahankan diri, menunggang kuda, tinju atau gusti, sebarang jenis perlumbaan selain menggunakan kaki.
 - b. menggunakan mesin kerja kayu yang digerakkan oleh kuasa mekanikal.
4. Semua kecacatan fizikal atau mental atau uzur, sebarang jenis sawan, sebarang bentuk sakit, penyakit, virus, jangkitan atau parasit yang sedia ada.

SEKSYEN II - PERLINDUNGAN LIABILITI DIRI

Pampasan:

Tertakluk kepada had liabiliti yang dinyatakan dalam Polisi ini, Syarikat akan membayar pampasan seperti berikut:

1. Segala jumlah yang Orang Diinsuranskan patut bertanggungjawab dari segi undang-undang untuk membuat bayaran pampasan seperti berikut:

HAD LIABILITI

Polisi ini memberi jaminan ganti rugi sehingga jumlah yang tidak melebihi Ringgit Malaysia tujuh puluh lima ribu (RM75,000.00) untuk setiap kemalangan dan setiap tempoh masa diinsuranskan.

HAD WILAYAH

Meliputi seluruh dunia kecuali Amerika Syarikat dan Kanada.

PENGECUALIAN KHAS KEPADA SEKSYEN II - PERLINDUNGAN LIABILITI DIRI

Indemniti yang ternyata di dalam Polisi ini tidak diterima pakai atau termasuk:

1. Liabiliti yang ditanggung oleh Orang Diinsuranskan melalui perjanjian kecuali liabiliti yang ditanggung oleh Orang Diinsuranskan yang bukan melalui perjanjian.
2. Liabiliti yang berkaitan dengan kecederaan kepada sesiapa yang semasa mengalami kecederaan sedang berkhidmat dengan Orang Diinsuranskan atau untuk tuntutan pampasan dari Orang Diinsuranskan oleh pihak yang mengalami kecederaan atau orang yang dilindungi di bawah mana-mana Akta Pampasan Pekerja.
3. Liabiliti yang berkaitan dengan kecederaan kepada ahli keluarga atau mana-mana ahli keluarga yang tinggal serumah dengan Orang Diinsuranskan.
4. Liabiliti yang berkaitan dengan kecederaan atau kerosakan harta benda yang dimiliki oleh atau di bawah kuasa atau dalam kawalan oleh Orang Diinsuranskan atau sesiapa pekerja atau agen kepada Orang Diinsuranskan.
5. Liabiliti yang berkaitan dengan kecederaan atau kerosakan yang disebabkan oleh atau berkaitan dengan atau bertimbul dari:
 - a. Hak milik atau pemilikan atau diguna oleh atau bagi pihak Orang Diinsuranskan untuk sebarang haiwan (melainkan seekor anjing atau kucing), semua jenis pesawat udara, kenderaan bermotor, semua jenis kapal bersenjata atau sebarang jenis pesawat.

POLISI INSURANS KEMALANGAN DIRI KURNIA STAR

- b. Hak milik atau pemilikan atau diguna oleh atau bagi pihak Orang Diinsuranskan untuk mana-mana bidang tanah atau bangunan.
- c. mana-mana pengupahan pekerja atau perniagaan bagi Orang yang Diinsuranskan atau apa jua yang ada hubung kait dengannya atau untuk tujuan yang berkaitan.

PENGECUALIAN AM - DITERIMA PAKAI UNTUK SEKSYEN I & II

Polisi ini tidak melindungi kematian atau hilang upaya atau liabiliti dalam apa jua keadaan akibat dari atau timbul dari atau sebarang kehilangan berikutan:

1. secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau di sumbang oleh atau yang timbul dari peperangan, pencerobohan, tindakan musuh asing (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, dahagi, rampasan kuasa tentera atau rampasan kuasa.
2. secara langsung atau tidak langsung disumbangkan oleh atau yang timbul daripada pancaran pengionan, radiasi atau pencemaran radioaktif daripada apa-apa bahan buangan nuklear dari pembakaran bahan api nuklear. Khusus untuk tujuan pengecualian ini sahaja, pembakaran hendaklah termasuk apa-apa proses pembelahan nuklear yang dikekalkan sendiri.
3. secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau di sumbang oleh atau yang timbul dari bahan senjata nuklear.
4. secara langsung atau tidak langsung yang timbul dari atau diakibatkan oleh atau disebabkan oleh Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau Kerumitan Berkaitan AIDS (ARC) tidak kira bagaimana sindrom ini diperolehi atau dipanggil.

SYARAT-SYARAT AM – DITERIMA PAKAI UNTUK SEKSYEN I & II

Polisi dan Jadual hendaklah dibaca bersama sebagai satu kontrak dan membentuk kontrak keseluruhan di antara semua pihak dan tiada sebarang pernyataan, kenyataan, waranti, perjanjian secara langsung atau tidak langsung, selain daripada yang terkandung di dalam kontrak ini dan sebarang ungkapan dan makna khususnya yang telah dinyatakan dalam mana-mana bahagian polisi atau jadual ini hendaklah membawa maksud khusus sedemikian dimana jua ia mungkin dicatat.

1. SYARAT TERDAHULU TERHADAP LIABILITI
Pihak / Orang yang Diinsuranskan seharusnya mematuhi terma-terma, syarat-syarat dan pengendorsan Polisi ini setakat mana ia berhubung kait dengan apa sahaja yang perlu dilakukan atau dipatuhi oleh Pihak / Orang yang Diinsuranskan hendaklah menjadi syarat duluan kepada mana-mana liabiliti Syarikat untuk membuat sebarang bayaran di bawah Polisi ini.
2. NOTIS
Semua notis yang perlu diberikan oleh Pihak yang Diinsuranskan kepada Syarikat mestilah secara bertulis dan dialamatkan kepada Syarikat. Sebarang perubahan dalam terma Polisi ini atau pengendorsan selepas itu

dianggap tidak sah melainkan sekiranya dokumen tersebut ditandatangani atau disahkan oleh wakil syarikat yang sah.

3. PEMBATALAN INSURANS

Syarikat boleh membatalkan atau menamatkan Polisi ini pada bila-bila masa dengan memberi notis selama tujuh (7) hari melalui surat berdaftar kepada Pihak Diinsuranskan di alamatnya yang terakhir sekali diketahui oleh Syarikat dan dalam keadaan sedemikian akan memulangkan kepada Pihak Diinsuranskan premium yang telah dibayar ditolak bahagian pro-rata daripadanya bagi tempoh Polisi ini yang telah berkuatkuasa. Polisi ini boleh dibatalkan pada bila-bila masa oleh Pihak Diinsuranskan atas notis selama tujuh (7) hari kepada Syarikat dan dalam keadaan ini Pihak Diinsuranskan akan berhak menerima pemulangan premium ditolak premium pada kadar jangka pendek bagi tempoh Polisi tersebut telah berkuatkuasa.

Pembatalan Polisi oleh Pihak Diinsuranskan atau Syarikat tidak melibatkan pemulangan premium dalam keadaan seperti di bawah:

- a) Polisi ini dibayar secara bayaran bulanan, atau
- b) Jika jumlah yang patut dibayar balik kurang daripada Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10.00), atau
- c) Dalam keadaan di mana keseluruhan jumlah 100% premium dikenakan pada kadar jangka pendek, atau
- d) Tuntutan telah dibuat dalam tempoh masa insurans.

4. PERUBAHAN RISIKO

Pihak / Orang yang Diinsuranskan hendaklah dengan serta-merta memberi notis kepada Syarikat mengenai sebarang perubahan alamat, negara bermaustautin, pekerjaan atau sebarang kecederaan, penyakit, kecacatan fizikal atau kelemahan yang telah dialami Pihak/ Orang yang Diinsuranskan dan notis mengenai Insurans lain (kecuali kupon atau yang berkaitan dengan Insurans Moto-kar) yang melindungi kemalangan atau kelumpuhan.

5. PIHAK-PIHAK YANG BERKEPENTINGAN

Syarikat, melainkan sebaliknya diberi sokongan yang khusus dalam Polisi ini, layak menganggap Pihak Yang Diinsuranskan sebagai pemilik mutlak Polisi ini dan tidak terikat untuk mengiktiraf mana-mana tuntutan yang saksama atau tuntutan lain kepada atau faedah dalam Polisi dan penerimaan oleh Pihak/Orang yang Diinsuranskan atau wakil sah Orang yang Diinsuranskan semata-mata akan menjadi discaj yang efektif.

6. SALAH NYATA /PENIPUAN

Polisi ini boleh terbatal sekiranya berlaku salah nyata, penerangan yang salah, kesilapan, tertinggal atau tidak mendedahkan fakta oleh Pihak / Orang yang Diinsuranskan, yang mana Pihak / Orang yang Diinsuranskan tahu atau sepatutnya telah mengetahui sebagai tidak benar, mengelirukan atau berkaitan atau yang mungkin telah mempengaruhi pertimbangan atau berkaitan atau yang mungkin telah mempengaruhi pertimbangan penanggung insurans yang berhemat (termasuk Syarikat) dalam menentukan premium yang perlu dibayar dan/atau menentukan jika risiko sepatutnya diterima, dengan atau tanpa niat untuk menipu Syarikat.

POLISI INSURANS KEMALANGAN DIRI KURNIA STAR

7. TUNTUTAN

Sebaik sahaja berlakunya sebarang kemalangan yang berkemungkinan akan menimbulkan satu tuntutan di bawah Polisi ini, Pihak / Orang yang Diinsuranskan hendaklah memberi notis dalam masa empat belas (14) kalendar hari selepas kejadian kemalangan tersebut kepada Syarikat dengan segala keterangan mengenai kemalangan dan kecederaan itu.

Jika berlaku apa-apa kemalangan yang mungkin menimbulkan satu tuntutan, Pihak / Orang yang Diinsuranskan hendaklah mengambil langkah-langkah yang terbaik untuk menjaga mana-mana peralatan atau barang sama ada rosak atau tidak berfungsi atau dalam hal lain di mana perlu untuk membuktikan berkenaan dengan tuntutan dan tiada perubahan atau pembaikan yang boleh dibuat pada mana-mana barangan berkenaan dengan atau yang terlibat dalam kemalangan tanpa persetujuan bertulis terdahulu daripada Syarikat.

Pihak / Orang yang Diinsuranskan tidak boleh menafikan liabiliti tanpa persetujuan bertulis daripada Syarikat, membuat perundingan atau tawaran, janji atau pembayaran yang berkaitan dengan mana-mana kemalangan atau tuntutan dan Syarikat berhak mengambil alih dan menguruskan bagi Pihak / Orang yang Diinsuranskan untuk membela dalam sebarang tuntutan atau tuduhan bagi Pihak / Orang yang Diinsuranskan dan untuk faedah sendiri, untuk pampasan atau kerosakan atau dalam hal lain yang berkaitan dengan sesiapa dan harus mempunyai budi bicara sepenuhnya dalam mana-mana perundingan dan dalam menyelesaikan mana-mana tuntutan dan Pihak / Orang yang Diinsuranskan perlu memberi segala maklumat dan bantuan yang diperlukan oleh Syarikat.

Kematian Orang yang Diinsuranskan hendaklah disahkan dengan Sijil Kematian Rasmi atau jika berlaku kehilangan Orang Diinsuranskan akibat kemalangan, kematian hendaklah disahkan oleh Mahkamah yang menganggapnya telah mati.

8. LIABILITI PERSENDIRIAN

Jika Orang Diinsuranskan mempunyai dua atau lebih Polisi dengan Syarikat yang melindungi Liabiliti Persendirian. Pembayaran maksima untuk liabiliti dibawah semua Polisi adalah tidak lebih RM75,000 setiap kemalangan dan setiap tempoh masa yang diinsuranskan.

9. SUMBANGAN

Jika pada masa berlaku sebarang tuntutan di bawah Seksyen II bagi Polisi ini dan jika ada lain- lain Insuran sama ada dibawah Syarikat ini atau sebaliknya yang melindungi risiko yang sama atau sebahagian darinya, Syarikat tidak akan bertanggung jawab untuk perkadaran yang melebihi dari bahagian yang ditaksir. Tertakluk kepada Had Liabiliti seperti yang tercatat di dalam Polisi ini.

10. PENIMBANG TARA

Semua percanggahan yang timbul daripada Polisi ini hendaklah dirujuk kepada keputusan seorang Penimbang Tara yang akan dilantik secara bertulis oleh pihak-pihak di dalam pertelingkahan atau jika mereka tidak bersetuju atas seorang Penimbang Tara, ia akan dirujuk kepada dua orang Penimbang Tara yang salah seorang dilantik secara bertulis oleh setiap pihak dalam masa satu (1) kalendar bulan selepas dikehendaki untuk berbuat demikian secara bertulis oleh mana-mana satu pihak atau sekiranya Penimbang Tara tidak bersetuju

dengan Pengadil yang dilantik secara bertulis oleh Penimbang Tara sebelum memasuki rujukan mereka. Pengadil hendaklah bersidang bersama Penimbang Tara dan mempengerusikan mesyuarat mereka dan keputusan mengenai Award akan menjadi syarat-syarat terdahulu sebelum apa-apa hak tindakan dibuat terhadap Syarikat.

Jika Syarikat menafikan liabiliti kepada Pihak / Orang yang Diinsuranskan untuk mana-mana tuntutan berikut dan tuntutan tersebut bukan dua belas (12) kalendar bulan dari tarikh penafian dirujuk kepada penimbang tara bawah peruntukan yang terkandung di sini maka tuntutan bagi segala tujuan akan dianggap telah dihentikan dan seterusnya tidak akan diperolehi semula mengikut Polisi ini.

11. PENGELASAN UNDANG-UNDANG

Pampasan yang dinyatakan dalam Polisi ini tidak akan diguna pakai atau termasuk:

- pampasan untuk kerugian bagi perundingan yang bukan ditafsirkan atau ditentukan daripada Mahkamah yang berkuatakuasa mengikut undang-undang Mahkamah Malaysia.
- kos dan perbelanjaan perundangan yang dituntut balik oleh pihak yang menuntut daripada Pihak Diinsuranskan yang tidak di tanggung atau boleh dituntut balik di Malaysia.

12. TEMPOH INSURANS DAN SYARAT PEMBAHARUAN

Polisi ini boleh diperbaharui dari tahun ke tahun melalui persetujuan antara Pihak Diinsuranskan dan Syarikat tetapi tertakluk kepada semakan semula pada Ulang Tahun Polisi iaitu setahun selepas tarikh kuatkuasa Polisi dan setiap tahun berikutnya.

Polisi ini tidak boleh diperbaharui dalam keadaan berikut:

- premium tidak dibayar, atau
- Orang yang diinsuranskan telah meninggal dunia, atau
- Orang yang diinsuranskan telah menuntut faedah Hilang Upaya Kekal, atau
- Orang yang diinsuranskan telah mencapai had umur yang tertera dalam Polisi.

13. KEWAJIPAN PENDEDAHAN

Kontrak Insurans Pengguna

- Menurut Perenggan 5, Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya Anda memohon insurans ini sepenuhnya bagi tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Anda, Anda mempunyai kewajiban mengambil penjagaan munasabah supaya tidak membuat salah nyataan semasa menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan dan mendedahkan apa-apa perkara lain yang Anda ketahui ada berkaitan dengan keputusan kami menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak.
- Pihak Diinsuranskan juga mempunyai kewajiban memaklumkan kepada Kami dengan segera sekiranya pada bila-bila masa, selepas kontrak insurans dibuat, diubah atau diperbaharui dengan pihak Kami, sebarang maklumat yang diberikan adalah tidak tepat atau telah berubah.

POLISI INSURANS KEMALANGAN DIRI KURNIA STAR

FASAL DAN PENGENDORSAN

dilampirkan dan dibacakan sebagai sebahagian daripada Polisi
(tidak boleh dikaitkan kecuali dinyatakan di dalam Jadual)

PERUNTUKAN KHAS UNTUK ARAHAN PEMBAHARUAN AUTO

Akaun Calonan bermaksud akaun yang dicalonkan oleh Pihak Diinsuranskan dalam Borang Arahan Pembaharuan Auto, atau melalui arahan bertulis oleh Pihak Diinsuranskan, di mana premium untuk Polisi ini akan didebitkan atau dicajkan.

Premium

- a. Premium yang dinyatakan dalam Polisi patut dibayar pada tarikh kuatkuasa Polisi. Jika dibayar secara tahunan, dibayar pada setiap ulang tahun Polisi dan jika dibayar pada setiap bulan, pembayaran adalah pada tarikh yang sama bagi bulan berikutnya. Jika pada bulan tersebut di mana premium sepatutnya dibayar, tidak mempunyai tarikh yang sama seperti bulan sebelum ini, maka premium akan dibayar pada hari terakhir pada bulan tersebut.
- b. Premium akan dicajkan pada Akaun Calonan Pihak Diinsuranskan bila tiba tempoh masa bayaran.
- c. Pembayaran premium akan memperbaharui polisi secara automatik. Tiada dokumen pembaharuan akan dikeluarkan dan Polisi yang sedia ada merupakan bukti kesahihan perlindungan.

Pembatalan Secara Automatik

1. Polisi ini akan dibatalkan secara automatik bila arahan untuk membatalkan Akaun Calonan Pihak Diinsuranskan di mana premium untuk polisi telah dicajkan.
2. Premium tidak dibayar pada tempoh masa yang ditetapkan.

NOTIS PENTING

1. Pihak Diinsuranskan hendaklah membaca Polisi ini dengan teliti, dan jika terdapat kesilapan atau keterangan yang salah, atau jika Polisi/perlindungan tidak memenuhi kehendak Pihak Diinsuranskan, Pihak Diinsuranskan hendaklah memberitahu kepada Syarikat dan mengembalikan Polisi untuk membuat pembedulan sewajarnya.
2. Pihak Diinsuranskan yang kurang berpuas hati dengan tindakan atau keputusan Syarikat, boleh mendapatkan bantuan melalui Unit Pengendalian Aduan kami dan sebagai alternatif, boleh juga mendapatkan pembelaan atau bantuan daripada Ombudsman Perkhidmatan Kewangan atau melayari Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK), Bank Negara Malaysia yang beralamat seperti di bawah:
 - (a) Unit Pengendalian Aduan
AmGeneral Insurance Berhad
Menara Shell
No. 211, Jalan Tun Sambanthan
50470 Kuala Lumpur
Peti Surat 11228, GPO Kuala Lumpur
50740 W.P. Kuala Lumpur, Malaysia
Tel : +603-2268 3333
Faks : +603-2268 2222
 - (b) Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OFS)
Tingkat 14, Blok Utama
Menara Takaful Malaysia
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman
50000 Kuala Lumpur
Tel : +603-2272 2811
Faks : +603-2272 1577
 - (c) Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK)
Tingkat Bawah, Blok C
Bank Negara Malaysia
Peti Surat 10922
50929 Kuala Lumpur
Tel : 1300 88 5465
Faks : +603-2174 1515